

TAWASSUL DENGAN ROH PARA WALI: HURAIAN DAN ULASANNYA

oleh
Zakaria @ Mahmud b. Daud

Abstract

This article tries to identify tawassul bi ruh al-wali. References are made to the teaching of various mazhab and the opinion of their ulama.

Pengenalan

Bertawassul semasa berdoa adalah satu perkara yang selalu dilakukan oleh ramai umat Islam di mana-mana sahaja mereka berada. Mereka melakukan dengan berbagai-bagai cara; ada melalui perantaraan nama-nama Allah dan sifat-sifatNya, dengan amalan-amalan saleh yang dikerjakan, dan dengan imannya kepada Allah, dengan perantaraan orang-orang saleh yang masih hidup, dengan roh para Nabi termasuk Nabi Muhammad s.a.w dan juga dengan melalui perantaraan roh-roh para wali dan syaikh tarikat yang telah meninggal.

Bertawassul dengan roh-roh para wali dan syaikh tarikat adalah di antara jenis tawassul yang menjadi kontroversi di kalangan umat Islam. Ada di antara ulama melarang dari melakukannya kerana dikatakan ia tergolong daripada tawassul bid'ah yang tidak dilakukan oleh para sahabat dan salafus-saleh. Manakala segolongan yang lain mengharuskan dan dianggap salah satu daripada tawassul yang digalakkan. Di dalam ruangan ini penulis ingin menjelaskan mengenai pandangan ulama mengenai tawassul dengan roh para wali yang mati.

Erti Tawassul

Dalam kamus "*Lisan al-Arab*" menyebut bahawa *tawassul* dan *wasilah* bererti mendekati diri kepada sesuatu. Jika disebut *وسيلة توسل فلان الى الله* atau *توسل الى الله توسلا* bererti seseorang itu melakukan sesuatu perkara atau sesuatu amalan yang boleh mendekati dirinya kepada Allah. Al-Jauhari menyebut, *Tawassul* kepada Allah bererti seseorang itu mendekati diri kepada Allah dengan melalui amalan.¹

¹Ibnu Manzur, *Lisan al-Arab*, Dar Sadir, Beirut. t.t. juz. 2, h. 724.

Tawassul dari segi syarak bererti mendekat atau mendampingi diri kepada Allah dengan mentaatinya, beribadat kepadanya, dan dengan mengikuti NabiNya juga dengan melakukan amalan yang disukai dan diredai olehNya.²

Dengan kata lain *tawassul* pada syarak bermaksud sesuatu permohonan atau doa kepada Allah yang dipohon oleh seseorang mukmin dengan melalui perantaraan amalan saleh atau melalui perantaraan seseorang supaya apa yang dihajati diperkenan oleh Allah atau supaya sesuatu perkara yang diminta akan dimakbulkan olehNya.³

Atau boleh juga dikatakan *tawassul* ialah permintaan sesuatu hajat atau sesuatu kemahuan daripada Allah dengan melalui perantaraan. Manakala hajat atau kemahuan itu meliputi perkara yang mendatangkan faedah kepada orang yang memohon, kepada keluarganya atau kepada siapa sahaja, dan sama ada perkara itu mengenai urusan keduniaan atau keagamaan.

Antara contoh *tawassul* seperti seseorang berdoa dengan katanya:

اللهم انى اسألك بأنك انت الرحمن الرحيم ان فىنى

Wahai Tuhanku, sesungguhnya aku meminta daripadaMu dengan perantaraanMu, Tuhan Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani, semoga berikanlah rahmat kepadaku.

Atau seperti seseorang berdoa dengan katanya:

اللهم انى اسألك بحبك لمحمد ﷺ ان تغفرلى ذنوبى

Wahai Tuhanku, sesungguhnya aku memohon daripadaMu dengan perantaraan kasihMu kepada Nabi Muhammad s.a.w semogaMu tunaikan hajatku dan ampuni dosa-dosaku.

Doa dan permohonan seperti di atas dianggap doa secara bertawassul yang dibolehkan oleh agama Islam

Hukum Bertawassul

Memohon sesuatu hajat melalui *tawassul* atau perantaraan memang diharuskan oleh Islam apabila dilakukan mengikut cara dan pedoman yang

²Muhammad Nasib al-Rifai, *Al-Tawassul ila Haqiqah al-Tawassul al-Masyru' Wa al-Mammu'*, Muassasah al-Da'wah al-Salafiyah, 1979, cet. III, h. 20, Muhammad Ali al-Sabuni, *Mukhtasar Tafsir Ibnu Kathir*, Dar al-Quran al-Karim, Beirut, 1396 H. cet: II, juz. 1, h. 513.

³Abu Bakar Jabir al-Jazairi, *Aqidah al-Mu'min*, Dar al-Fikr, t.t. h. 126-127.

ditetapkan oleh syarak, tetapi jika dilakukan secara yang sebaliknya ia menjadi haram dan kadang-kadang boleh membawa kepada syirik.

Al-Quran menjelaskan keharusan bertawassul. Allah berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَابْتَغُوا إِلَيْهِ الْوَسِيلَةَ
وَجَاهِدُوا فِي سَبِيلِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٣٥﴾

"Wahai orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah dan carilah jalan yang boleh menyampaikan kepadaNya (dengan melaksanakan perintahNya dan meninggal laranganNya) dan berjuanglah pada jalan Allah, mudah-mudahan kamu beroleh kejayaan".⁴

Ayat di atas, Allah menyeru orang-orang mukmin supaya berusaha mendekati diri kepada Allah dengan melakukan ketaatan serta amalan-amalan saleh yang diredaiNya. Ini bererti Allah memberi perangsang kepada hambaNya supaya bertawassul atau mencari jalan yang boleh mendekati mereka kepada Allah dengan melalui iman, takwa dan dengan berjihad pada jalan Allah, tidak dengan perkara yang ditegah olehNya.

Dalam ayat yang lain Allah menjelaskan bahawa anak Nabi Yaakub a.s meminta daripada ayahnya supaya tolong berdoa dan bertawassul memohon keampunan daripada Allah supaya dihapuskan dosa mereka. Cerita itu dijelaskan oleh Allah dalam firmanNya:

قَالُوا يَا أَبَانَا اسْتَغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا إِنَّا كُنَّا خَاطِئِينَ ﴿١٧﴾ قَالَ سَوْفَ
أَسْتَغْفِرُ لَكُمْ رَبِّي إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ ﴿١٨﴾

"Mereka (anak-anak Nabi Yaakub a.s) berkata: "Wahai ayah kami, mintalah ampun daripada Allah bagi kami, sesungguhnya kami adalah orang-orang yang bersalah". Nabi Yaakub berkata: "Aku akan memohon ampun bagi kamu daripada Tuhanku, sesungguhnya Dialah Jua Yang Maha Pengampun Lagi Maha Mengasihani".⁵

⁴Surah al-Maidah, Ayat: 35.

⁵Surah Yusof, Ayat 97-98.

Selain itu Rasulullah s.a.w pernah mengajar dan mengharuskan kepada umatnya bertawassul.⁶ Di samping itu ulama Ahli Sunnah seluruhnya sepakat mengatakan bertawassul adalah harus. Tetapi yang menjadi masalah di sini apakah tawassul dengan roh para wali dibolehkan atau sebaliknya.

Tawassul Dengan Roh Para Wali

Bertawassul dengan roh para wali yang telah mati ulama berselisih pendapat; satu pendapat mengharuskannya. Manakala golongan kedua menegahnya, ini kerana tawassul itu dianggap tawassul bid'ah yang tidak dilakukan oleh Rasulullah s.a.w, oleh para sahabat dan salafus saleh.

a. Pendapat Yang Mengharuskannya

Ada golongan mengharuskan bertawassul dengan roh para wali yang telah meninggal, sama seperti harusnya bertawassul dengan roh Nabi Muhammad s.a.w. Syaikh Musa Muhammad Ali di dalam kitabnya ada menyebut bahawa ramai ulama mengharuskan bertawassul dengan Nabi s.a.w (selepas wafat) dan dengan orang-orang lain, seperti dengan para sahabat Rasulullah s.a.w dan juga dengan orang saleh (wali) yang mati.⁷

Syaikh Muhammad al-Faqi, di dalam kitanya ada membuat satu kesimpulan, katanya:

“Jelas kepada kamu bahawa orang mati tetap hidup di dalam kubur mereka dan harus bertawassul dengan roh-roh baik yang telah mati (tuannya), dan harus meminta pertolongan atau istighathah dengan roh-roh tersebut sama seperti harusnya istighathah dengan orang yang hidup dan tidak ada beza di antara orang yang ditawassulkan (orang yang dibuat perantaraan) itu sama ada yang masih hidup atau yang telah mati (kedua-duanya harus)”⁸

Banyak hujah dan dalil yang dikemukakan oleh golongan ini, antaranya:

- a. Hadis lelaki buta yang bertawassul dengan Nabi Muhammad s.a.w sewaktu memohon disembuhkan butanya. Hadis ini bermaksud:

⁶Lihat Muhammad Nasiruddin al-Albani, *salsilah al-Ahadith al-sahihah*, al-Maktab al-Islami, 1398, cet: IV, juz. 1, h. 199.

⁷Musa Muhammad Ali, *Haqiqah al-Tawassul Wa al-Wasilah Ala Dau' al-Kitab Wa al-Sunnah*, al-Turath al-Arabi, 1981, cet: I, h.50.

⁸Syaikh Muhammad al-Faqi, *Al-Tawassul Wa al-Ziyarah Fi al-Syariah al-Islamiyyah*, Matbaah Mustafa al-Babi, Mesir, 1968, cet: I, h. 184.

Seorang lelaki buta berjumpa Nabi Muhammad s.a.w dan berkata kepadanya; "Doakan kepada Allah supaya Allah sembuhkan butaku". Nabi berkata, "Sekiranya kamu mahu aku boleh doakan dan sekiranya kamu mahu (kekal sedemikian) serta kamu bersabar, maka itu lebih baik bagi kamu". Lelaki itu menjawab, "Doakan supaya sembuh mataku". Maka Rasulullah s.a.w pun menyuruhnya mengambil wuduk dengan baik kemudian bersembahyang sunat dua rakaat, lepas itu disuruh berdoa dengan doa yang diajar yang bermaksud: "Wahai Tuhanku aku memohon kepadaMu dan aku menumpu (permohonan) kepadaMu dengan perantaraan Nabi Muhammad nabi membawa rahmat, wahai Muhammad sesungguhnya aku menumpu (memohon) kepada Tuhanku dengan perantaraanmu untuk hajatku supaya Allah berkenankan untukku. Wahai Tuhanku berilah syafaat, sembuhkan penyakit (buta) yang ada padaku". Kemudian Othman bin Hanif yang meriwayatkan hadis ini berkata, "Maka lelaki itu melakukan apa yang disuruhnya (lepas) itu matanya pun sembuh".⁹

Ulama golongan pertama ini berkata hadis di atas menunjukkan harus bertawassul dengan berdoa melalui orang saleh yang telah mati.

Apabila Fatimah bt. Asad ibu Saidina Ali (yang juga ibu angkat Rasulullah s.a.w) mati, Rasulullah s.a.w menyuruh beberapa orang sahabat menggali kuburnya. Setelah selesai Rasulullah masuk ke dalam kubur itu dan bertawassul dengan berkata: "Allah yang menghidup dan mematikan sesuatu, Dia hidup tidak mati, ampunilah ibuku Fatimah bt. Asad dan ajarkan dia hujah (yakni jawapan bagi menjawab soalan Mungkar dan Nakir) dan perluaskan tempat tinggalnya (dalam kubur) dengan perantaraan hak NabiMu (yakni aku) dan Nabi-nabi lain sebelumku, sesungguhnya Mula Tuhan Yang Maha Pemurah". Lepas itu baginda bertakbir sebanyak empat kali kemudian dimasukkan mayat itu ke dalam liang lahad dengan dibantu oleh al-Abbas dan Abu Bakar.¹⁰

Hadis ini menjelaskan bahawa Rasulullah s.a.w bertawassul dengan *jah* (pangkat) baginda dan juga dengan *jah* para Rasul terdahulu (yang telah wafat) bagi menyelamatkan roh Fatimah bt. Asad. Ini menunjukkan

⁹Muhammad Nasruddin al-Albani, *op.cit*, h. 69-70.

¹⁰Muhammad al-Faqi, *op.cit*, h. 151-152, Muhammad Nasib al-Rifai, *op.cit*, h. 234.

bertawassul dengan roh orang mati sama ada Nabi dan wali adalah diharuskan.

1. Golongan ini juga berdalil dengan dalil akal. Mereka berkata di antara orang mati dengan orang hidup tidak ada beza dari segi kekuatan rohnya, malah orang mati rohnya lebih kuat. Mereka berkata, "Roh seseorang apabila berpisah dari badan ia masih lagi hidup ia mendengar dan boleh berbicara sebagaimana semasa masih hidup bersama jasadnya, malah roh yang telah mati jasadnya, lebih kuat daripada yang masih hidup jasadnya. Mengkhususkan harus bertawassul dengan orang yang hidup sahaja tidak boleh diterima.¹¹ Mereka berkata, "Berdasarkan kepada alasan demikian, sesiapa yang mengharuskan bertawassul dengan orang hidup dan menegahnya setelah mati merupakan satu kepercayaan yang bahaya (tidak betul). Ini kerana seolah-olah roh semasa hidup bersama jasad ada mempunyai kuasa, sedangkan roh itu tidak ada kuasa sama ada semasa hidup bersama jasad atau setelah mati.¹²

Jadi apabila roh diwaktu hidup bersama badan boleh bertawassul, maka sewaktu berpisah daripada badan (setelah mati jasad) tidak ada sebab yang menghalangnya, kerana itu bertawassul dengan wali yang mati diharuskan.

Dari keterangan yang dikemukakan dapat dibuat kesimpulan bahawa ulama golongan tersebut di atas mengharuskan bertawassul dengan roh Nabi Muhammad dan roh para wali yang mati asalkan jangan mengangap para wali itu mempunyai kuasa memberi sesuatu yang diminta atau boleh menolak sesuatu bala, bahkan kuasa itu berada pada Allah. Nabi dan wali hanya boleh tolong memohon dan berdoa kepada Allah supaya dimakbulkan permohonan orang yang bertawassul dengannya. Tetapi walaupun begitu dalil-dalil golongan ini ditolak oleh golongan kedua yang menegahnya sebagaimana akan disebutkan di akhir nanti.

b. Pendapat Yang Menegahkannya

Golongan kedua, tidak mengharuskan bertawassul dengan roh para wali yang mati. Di antara ulama golongan ini termasuk Imam Abu Hanifah, muridnya Imam Abu Yusoff dan Imam Muhammad bin Hassan. Ibn Taimiyyah, Muhammad b.

¹¹Muhammad al-Faqr, *op.cit*, h. 148.

¹²Wahbi Sulaiman Ghawaji, *al-Syahadatani Wa Ahkamuhuma*, Muassasah al-Risalah, Beirut, 1980, cet: I, h. 57.

Abd al-Wahhab, Muhammad Nasaruddin al-Albani, Abu Bakar Jabir al-Jazairi, Hamka dan lain-lain.¹³

Imam Abu Hanifah ada menyebut:

*"Adalah ditegah seseorang berdoa dan bertawassul memohon sesuatu dengan perantaraan hak seseorang atau dengan hak Nabi-nabi Allah dan Rasul-rasulnya atau dengan hak Baitullah (Ka'bah) dan dengan hak Masyari al-Haram (nama tepat di Mina)."*¹⁴

Di tempat lain beliau menyebut:¹⁵

"Tidak sepatutnya bagi seseorang muslim berdoa kepada Allah melainkan dengan nama Allah dan dengan doa-doa yang diizinkan olehNya, kerana Allah berfirman,

وَلِلَّهِ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ فَادْعُوهُ بِهَا ط

*"Bagi Allah ada nama-nama yang al-Husna, maka berdoalah dengan menggunakan nama-nama itu".*¹⁶

Ibn Taimiyyah ada memetik pendapat Imam Abu Hanifah dan muridnya Imam Abu Yusoff dan Imam Muhammad bin Hassan sebagaimana disebut oleh Imam al-Zubaidi, katanya:

*"Imam Abu Hanifah dan muridnya Abu Yusoff dan Muhammad bin Hassan (mereka bertiga) menegah (benci) mana-mana orang yang berdoa dengan menyebut, "Aku memohon kepadaMu (Ya Allah) dengan perantaraan hak seseorang atau dengan hak Nabi-nabi dan Rasul-rasulMu atau dengan hak Baitullah dan hak Masyari al-Haram atau seumpamanya. Ini kerana tidak ada bagi seseorang itu hak ke atas Allah Taala".*¹⁷

Di antara dalil-dalil yang dipegang oleh golongan ini ialah:

¹³Lihat Ibn Taimiyyah, dlm. *Qaidah Jalilah Fi al-Tawassul Wa al-Wasilah*, Muhammad Nasiruddin al-Albani, dlm. *al-Tawassul Anwauhu Wa Ahkamuhu*, Abu Bakar Jabir al-Jazairi, dlm. *Aqiqah al-Mu'min*, Hamka, dlm. *Akidah Islam*.

¹⁴Dr. Muhammad b. Ab. Rahman al-Khumayyis, *Al-'Itiqad al-Aimmah al-Arbaah*, Dar al-'Asimah, Riyadh, 1992, cet: I. h. 8.

¹⁵Muhammad Nasiruddin al-Albani, *op.cit*, h. 47-48.

¹⁶Surah al-'Araf, Ayat: 180.

¹⁷Ibn Taimiyyah, *Qaidah al-Jalilah Fi al-Tawassul Wa al-Wasilah*, al-Maktab al-Islami, Beirut, 1970, h. 63 dan 152.

- a. Mereka berkata, dari banyak doa yang disebut dan diajar oleh Allah dalam al-Quran tidak ada satu pun yang mengguna *tawassul* dengan roh orang mati, dengan *jah* atau pangkat kelebihan mereka. Yang ada hanya terus memohon daripada Allah, atau melalui amalan-amalan saleh dan dengan keimanan mereka kepada Allah dan sifat-sifatnya. Umpamanya di dalam doa Nabi Musa yang dijelaskan oleh Allah tidak ada *tawassul* dengan roh si mati. Allah menjelaskan bagaimana Nabi Musa a.s berdoa. FirmanNya:

قَالَ رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي ﴿٣٦﴾ وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي ﴿٣٧﴾ وَاجْعَلْ لِي مَخْرَجًا ﴿٣٨﴾
لِسَانِي ﴿٣٩﴾ يَفْقَهُوا قَوْلِي ﴿٤٠﴾

(Nabi Musa a.s berdoa) wahai Tuhan, lapangkan bagiku dadaku dan mudahkan bagiku tugasku dan lepaskan simpulan dari lidahku supaya mereka (umatku) faham perkataanku (ajaranku).¹⁸

Dari doa Nabi Musa di atas, didapati tidak ada satu pun doa bertawassul dengan Nabi atau wali yang telah mati atau dengan *jah* dan pangkat kelebihan mereka. Kalau *tawassul* jenis ini dibolehkan, tentunya diajar oleh Allah dan dilaku oleh salah seorang daripada Rasul Allah yang ramai itu.

- b. Dilihat kepada cara berdoa yang diajar dan dilakukan oleh Rasulullah s.a.w sewaktu masih hidup yang disebut dalam hadis-hadis sahih didapati tidak ada doa bertawassul seperti di atas. Apa yang ada baginda bertawassul dengan nama-nama Allah dan dengan keimanannya kepada Allah. Di dalam doa *istikharah* yang begitu penting umpamanya tidak ada *tawassul* dengan roh para wali, bahkan diajar supaya mengguna sifat-sifat Allah. Doa itu bermaksud:¹⁹

“Wahai Tuhanku, sesungguhnya aku meminta *istikharah* (minta tunjuk kebaikan) dariMu dengan perantaraan ilmuMu dan aku meminta takdirkan dengan kudrat (kekuasaan)Mu dan aku memohon daripadaMu dengan kelebihanMu yang besar, sesungguhnya Mu Berkuasa sedangkan aku tidak berkuasa, Mu mengetahui sedangkan aku tidak mengetahuui dan Mu mengetahui perkara ghaib, wahai Tuhanku sekiranya Mu mengetahui perkara ini (perkara yang aku pohonkan) mendatangkan kebaikan kepadaku untuk agamaMu, untuk

¹⁸Surah Taha, Ayat: 25-28.

¹⁹*Sahih al-Bukhari*, al-Maktabah al-Islamiyyah, Istanbul, Turki, t.t. juz. 7, h. 162.

hidupku dan akhiratku sama ada cepat atau lambat, maka takdirkanlah (permudahkanlah) ia kepadaku dan permudahkan untukku, dan berilah keberkatannya kepadaku. Tetapi kalau sekiranya Mu mengetahui perkara ini mendatangkan keburukan (atau kejahatan) kepadaku untuk agamaku, hidupku dan akhir urusanku sama ada cepat atau lambat, maka palingkan dan jauhkan ia daripadaku dan jauhkan aku daripadanya serta takdirkanlah kebaikan untukku di mana-mana sahaja dan redalah ia untukku”.

Di dalam doa yang begitu penting untuk memohon sesuatu, Rasulullah s.a.w tidak mengajar cara bertawassul dengan roh wali sedangkan doa seperti itu sepatutnya dilakukan melalui *tawassul* tersebut. Apabila tidak dilaku dan tidak diajar, menunjukkan *tawassul* tersebut tidak harus bahkan dianggap, *tawassul* bid'ah, tidak berpandukan kepada ajaran Rasulullah s.a.w.

- c. Selain daripada itu ulama golongan ini juga berdalil dengan hadis Saidina Umar²⁰ bertawassul dengan Saidina Abbas sewaktu memohon hujan. Hadis itu bermaksud:

“Sewaktu ramai para sahabat menghadapi kemarau, Saidina Omar memohon hujan melalui perantaraan Saidina Abbas b.²Ab. Muttalib (bapa saudara Nabi). Beliau berdoa dengan katanya; “Kami dahulu (sewaktu baginda masih hidup) telah bertawassul kepadaMu Ya Allah melalui Nabi kami (Muhammad) maka Mu turunkan hujan kepada kami, sekarang kami bertawassul kepadaMu melalui perantaraan bapa saudara Nabi kami (Abbas), maka turunkanlah hujan untuk kami, lepas itu hujan pun turun.”²¹

Ulama golongan ini berkata hadis di atas menunjukkan harus bertawassul dengan Nabi dan orang saleh yang masih hidup tidak dengan roh mereka. Ini kerana pada awal hadis itu para sahabat bertawassul dengan Nabi. Setelah Nabi berdoa, hujan pun turun. Apabila baginda wafat iaitu di zaman Khalifah Umar mereka tidak bertawassul dengan roh Nabi tetapi pergi bertawassul dengan Abbas yang masih hidup, setelah Abbas berdoa, hujan pun turun.

Kata-kata Umar di atas, “Sekarang kami bertawassul kepadaMuYa Allah dengan melalui bapa saudara Nabi kami, maka turunkanlah hujan untuk kami”. Ini bermaksud Umar dan para sahabat lain selepas wafat Nabi Muhammad s.a.w mereka datang kepada Abbas dan meminta supaya dia turut

²⁰Hadis ini juga dijadikan hujah oleh golongan pertama di atas.

²¹Ibn Hajar al-Asqalani, *Fath al-Bari*, Tahqiq Abd. Aziz bin Bazz, Dar al-Ifth, Riyadh, t.t. juz. 2, h. 494.

berdoa semoga Allah menurunkan hujan kepada mereka. Lepas itu hujan pun turun.²²

Hadis ini tidak menunjukkan yang Umar dan para sahabat lain bertawassul dengan roh Nabi dan tidak juga dengan roh para wali, tetapi dengan Nabi dan Abbas yang kedua-duanya masih hidup.

Golongan ini berkata lagi, sekiranya tawassul dengan Nabi selepas wafatnya dibolehkan, tentulah Umar tidak pergi kepada Abbas, bahkan cukup dengan pergi ke kubur Nabi s.a.w bersama sahabat lain dan menerangkan keadaan kemarau yang mereka hadapi kemudian memohon supaya baginda berdoa kepada Allah. Apa yang berlaku Umar dan sahabat tidak berbuat demikian, ini menunjukkan tawassul dengan orang mati tidak dibolehkan. Jika boleh dan diharuskan mereka tidak perlu jumpa Abbas bahkan cukup dengan pergi memohon di kubur Nabi sahaja.²³

- d. Golongan kedua ini juga beralasan dengan dalil akal, katanya selepas kewafatan Rasulullah s.a.w para sahabat berselisih pendapat sesama mereka dalam banyak perkara, tetapi tidak terdapat di dalam sejarah ada dari mereka datang ke kubur Nabi s.a.w meminta sesuatu atau bermusyawarah dengannya atau menanya baginda perkara yang benar dan betul di dalam perselisihan yang mereka hadapi, tidak ada seorang pun dari mereka berbuat demikian. Ini kerana mereka faham dan tahu bahawa kehidupan baginda s.a.w di alam barzakh berbeza dengan kehidupannya di dunia, keadaannya tidak sama lagi dengan keadaan semasa hidup dahulu, walaupun memang baginda hidup di alam barzakh dan mendengar serta dapat menjawab salam orang yang memberi salam kepadanya dan lain-lain keistimewaan lagi sebagaimana yang disebut di dalam hadis.²⁴
- e. Doktor 'Asim bin Abdullah al-Qaryuti (seorang pensyarah di Universiti Islam Madinah) selepas menerangkan mengenai tiga jenis *tawassul* yang diharuskan iaitu *tawassul* dengan nama-nama Allah dan sifat-sifatNya, dengan iman dan amalan-amalan saleh, juga dengan doa orang saleh yang masih hidup beliau mengatakan bahawa *tawassul* lain adalah dianggap *tawassul* bid'ah yang tidak dilakukan oleh Nabi juga oleh salafus-saleh, beliau berkata:

²²Muhammad Nasiruddin al-Albani, *op.cit*, h. 47.

²³*Ibid*, h. 56-57.

²⁴*Ibid*, h. 60-61.

“Tawassul selain daripada yang disebut di atas, adalah tawassul *bid'ah* yang tidak ada di zaman Rasulullah s.a.w kerana tawassul dengan zat para Nabi, roh para wali atau dengan jah mereka atau dengan keramat mereka semuanya adalah di antara tawassul yang mesti dijauhi sekalipun ia tergolong daripada tawassul yang diselisihi oleh para ulama. Tetapi jika berlaku tawassul dengan mana-mana makhluk atau dengan mana-mana jah atau pangkat kelebihan seseorang di samping beriktikad makhluk itu berkuasa dan mampu memberi sesuatu manfaat atau boleh menolak sesuatu bila, maka itu tergolong daripada syirik besar yang tidak ada khilaf lagi di kalangan ulama.”²⁵

Syaikh Abu Bakar Jabir al-Jazairi seorang ulama besar Madinah ada menyebut beberapa perkara *tawassul* yang diharamkan, antaranya:

- a. Bertawassul dengan orang saleh yang telah mati dan bernazar dengan mereka seperti seseorang yang berhajat kepada sesuatu datang ke kubur wali kemudian berdoa dan bertawassul dengan katanya:

“Wahai Syaikh si anu bin si anu (disebut nama si mati) pimpinlah aku ke jalan yang baik dan seumpamanya”.

- b. Meminta sesuatu daripada Allah dengan melalui *jah* atau pangkat kelebihan seseorang atau dengan haknya sama ada Nabi atau orang saleh seperti seseorang itu berkata:

“Wahai Tuhanku, aku memohon daripadaMu dengan jah atau pangkat kelebihan si anu bin si anu atau dengan jah hambaMu si anu dan si anu atau seumpamanya, kesemuanya itu adalah tawassul yang ditegah dan batil mesti dijauhi.”²⁶

Dari dalil-dalil dan pendapat ulama di atas boleh dibuat kesimpulan bahawa ulama golongan kedua ini menegah bertawassul dengan roh orang mati khususnya roh para wali dan Syaikh Tarikat.

Ulama ini juga menjawab dalil-dalil yang dipegang oleh ulama golongan pertama yang mengharuskan. Di bawah ini penulis sebut sebahagian daripadanya.

²⁵Dr. 'Asim Abdullah al-Qaryuti, *Jahalat Kathirah fi Qadaya al-'Itiqad al-Kathirah*, 1986, cet: I, h.30.

²⁶Abu Bakar Jabir al-Jazairi, *op.cit*, h. 144-145.

Jawapan Terhadap Dalil Golongan Yang Mengharuskan

a. Hadis Saidina Omar dan Lelaki Buta

Hadis Saidina Omar bertawassul dengan Abbas dan hadis lelaki buta bertawassul dengan Nabi, walaupun dijadikan dalil oleh kedua-dua golongan tetapi sebenarnya kedua-dua hadis itu adalah tawassul dengan orang hidup tidak dengan roh orang mati dan tidak juga dengan *jah* seseorang. Hadis Saidina Omar memohon hujan adalah bertawassul dengan Abbas yang masih hidup seperti yang telah disebut sebelum ini. Di samping itu dalam satu riwayat lain Abbas juga turut berdoa²⁷ di samping doa Omar. Kalau sekiranya *tawassul* itu dilakukan dengan melalui zat atau *jah* Abbas, beliau tidak perlu berdoa sama.

Kalau sekiranya bertawassul dengan Nabi s.a.w selepas wafatnya dibolehkan tentunya Saidina Omar tidak pergi kepada Abbas, bahkan cukup dengan pergi ke kubur Nabi kemudian memohon supaya baginda berdoa kepada Allah, tetapi apa yang berlaku beliau tidak berbuat demikian.

Manakala hadis lelaki buta juga memberi maksud yang sama dengan hadis Saidina Omar iaitu tidak harus bertawassul dengan roh si mati dan *jah* seseorang, ini dapat difaham dari beberapa tempat iaitu.²⁸

- i. Apabila lelaki buta itu berada di hadapan Nabi s.a.w beliau memohon supaya baginda tolong berdoa sembuhkan matanya. Ini bererti beliau bertawassul dengan Nabi sewaktu baginda masih hidup.
- ii. Dari jawapan Rasulullah s.a.w kepadanya, “Jika kamu mahu aku doakan, dan jika kamu bersabar maka itu lebih baik bagimu”. Dari jawapan ini jelas lelaki itu datang kepada Rasulullah bertujuan supaya baginda berdoa kepadanya, kerana itu sebelum Nabi berdoa, baginda memberi pilihan kepadanya terlebih dahulu sama ada mahu bersabar dengan butanya atau mahu sembuh.
- iii. Setelah mendengar kata-kata Rasulullah di atas, lelaki itu terus memohon supaya baginda berdoa kepadanya dengan berkata, “Doakanlah untukku”. Kata-kata ini menguatkan lagi bukti bahawa dia datang kepada Rasulullah semata-mata supaya baginda berdoa kepadanya, dan memang lepas itu baginda berdoa kepadanya di samping menyuruh dia juga turut berdoa.

²⁷Lihat doa Abbas dalam Ibn Hajar al-Asqalani, *op.cit.* juz. 2, h. 497.

²⁸Muhammad Nasib al-Rifai, *op.cit.* h. 237-238.

b. Hadis Fatimah binti Asad

Hadis Fatimah binti Asad pula, ramai ulama hadis mengatakan ia hadis dhaif kerana salah seorang perawinya bernama Rouh bin Sallah dianggap perawi yang lemah oleh ramai ulama seperti Ibn 'Adi, Ibn Yunus, al-Daruqutni, Ibn Makula, al-Zahabi dan lain-lain lagi.²⁹

Para sahabat selepas kewafatan Rasulullah s.a.w ramai yang menghadapi bala bencana dan ujian seperti berhadapan dengan musuh, kemarau, kekurangan rezeki, bencana alam dan sebagainya. Tetapi walaupun begitu, tidak terdapat dalam hadis sahih yang menjelaskan bahawa mereka beramai-ramai pergi ke kubur baginda atau ke kubur Nabi-nabi terdahulu, atau ke kubur para wali untuk merayu kepada mereka mengenai bala bencana yang menimpa mereka dengan berkata seperti, "Wahai Nabi, pohonlah kepada Allah untuk kebaikan kami" atau "Berikanlah rezeki kepada kami dan tolonglah kami"³⁰ dan lain-lain.

c. Dalil Akal

Golongan pertama yang mengharuskan bertawassul dengan roh wali berkata, tidak ada beza di antara roh orang hidup dengan orang mati, bahkan yang mati rohnya lebih kuat. Sebab itulah boleh bertawassul dan meminta daripadanya.

Golongan kedua menjawab, memang dari satu sudut, kedua-duanya tidak ada beza, roh tetap roh ia tetap hidup, walaupun jasadnya mati, tetapi dari satu segi yang lain roh itu ada beberapa perbezaan yang besar, antaranya:

- i. Roh bersama jasad yang hidup menerima taklif (tuntutan agama), sedangkan roh setelah berpisah dengan jasad tidak ada apa-apa taklif.
- ii. Roh bersama jasad boleh menerima pembersihan dan terkotor, sedangkan setelah berpisah peluang itu tidak ada lagi.
- iii. Roh bersama jasad mempunyai kehendak dan ikhtiar dan boleh melakukan usaha atau amalan, sedangkan selepas berpisah berakhirilah segala usaha dan amalan, tidak ada kehendak dan ikhtiar lagi.

Sebenarnya setelah berpisah daripada jasad, roh mempunyai dua keadaan:

Pertama : Jika roh orang saleh dia akan memperolehi nikmat kubur dengan cara disuruh tidur seperti tidur pengantin baru sampai ke hari kiamat, atau

²⁹Hammad b. Muhammad al-Ansari, *Al-Mafhum al-Sahih li al-Tawassul 'Ala Dau al-Sunnah*, *Majalah al-Jamiah al-Islamiah*, th: 11, bil 2, h. 44-45, Muhammad Nasib al-Rifai, *op.cit.* h. 230.

³⁰*Ibid*, h. 123.

dia mendapat nikmat kubur dengan segala kesenangannya, atau roh itu ditempatkan dalam biang burung hijau diajak bertemasya ke Syurga.

Kedua : Roh orang jahat dan kafir, dia akan mendapat azab kubur dan hidup sengsara selama-lamanya. Jadi kedua-dua jenis roh itu kesemuanya dalam keadaan sibuk sama ada sibuk menerima nikmat kubur atau azab kubur.

Dari sini jelas kedua-dua jenis roh ada perbezaan dan tidak boleh disamakan. Jadi jika bersama badan boleh menolong orang lain, maka semasa berpisah tidak mestinya ia boleh menolong orang lain.

Berdasarkan kepada hujah-hujah yang dikemukakan, didapati hujah-hujah dan dalil-dalil golongan yang mengatakan bertawassul dengan roh para wali atau Syaikh Tarikat tidak boleh atau tidak harus adalah lebih kuat dan lebih kukuh, bahkan ia dikira *tawassul* bid'ah. Oleh itu pendapat golongan kedua itu lebih wajar diterima dan diamalkan.

Kesimpulan

Dari huraian di atas, jelas bahawa bertawassul dalam berdoa digalakkan oleh Islam, tetapi ada yang disepakati keharusannya oleh seluruh ulama dan ada juga yang mereka berselisih pendapat. *Tawassul* dengan roh para wali atau Syaikh Tarikat walaupun khilaf ulama tetapi melihat kepada hujah dan dalil kedua-dua golongan didapati dalil dan hujah golongan yang menegah lebih kuat dan lebih kukuh, kerana itu mengambil pendapat mereka adalah lebih baik dan sesuai diamalkan. Mengapa kita mahu mengambil dan mengamal yang khilaf sedangkan yang diharus oleh semua ulama tidak diamal atau ditinggalkan.